

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan senarai syarikat-syarikat pembekal racun kepada NAFAS dengan maklumat berikut:

- (a) Jumlah kuantiti dan nilai bekalan kepada NAFAS; dan
- (b) Jumlah hutang yang belum NAFAS bayar bagi setiap syarikat dan hutang yang paling lama tertunggak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) merupakan pembekal yang telah dilantik oleh pihak Kerajaan untuk membekalkan racun makhluk perosak di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP). Pada tahun 2018, sebanyak 13 syarikat pembekal racun makhluk perosak telah membekalkan racun makhluk perosak kepada NAFAS.
2. Sebanyak 85 jenis kategori racun makhluk perosak yang dibekalkan kepada pesawah dengan kadar pemberian RM200 sehektar seperti racun serangga, rumpai, kulat, tikus, siput dan lain-lain yang bernilai RM140 juta pada tahun 2018.
3. Pihak Kerajaan hanya melantik NAFAS untuk melaksanakan pembekalan racun makhluk perosak kepada pesawah. Sehubungan itu, pihak Kementerian tidak mempunyai maklumat berhubung jumlah hutang kerana perkara sedemikian adalah merupakan urusan perniagaan syarikat.

Sekian, terima kasih.